

# Forum Malaysia-Eropah perjelas isu minyak sawit

## Maklumat baru mampu tangkis kritikan NGO Barat

Oleh Zainab Mohd Yatim  
zmy@bharian.com.my

**F**ORUM Malaysia-Eropah akan mengadakan dialog di Munich, Jerman Selasa ini, bagi menengahkan isu berkaitan minyak sawit, khususnya membabitkan penjagaan alam sekitar dan pengurusan terbaik dalam penghasilan komoditi itu.

Penaung dan Penasihat MEF, Tan Sri Rafidah Aziz, berkata kira-kira 160 peserta Malaysia-Eropah yang terdiri daripada ahli perniagaan dan profesional, akan diberi maklumat mengenai inisiatif Malaysia untuk sentiasa mematuhi serta tidak mengabaikan peraturan antarabangsa dalam industri terbahit.

Malaysia akan menghantar delegasi seramai 25 orang ke forum sehari itu, manakala bakinya dihadiri peserta Eropah termasuk Jerman, Britain, Austria dan Belgium yang merangkumi saintis, usahawan dan pakar profesional.

"Malaysia akan membangkitkan isu mengenai minyak sawit yang kami anggap masih relevan dan perlu diper-



Rafidah Aziz

baharu maklumat mengenainya setiap masa.

"Walaupun isu ini sudah diperjuangkan Malaysia sejak sekian lama, ia perlu dikemukakan semula. Ini disebabkan pengguna sentiasa berubah, dan begitu juga pembuat keputusan di Eropah kini terdiri daripada muka baru yang perlu diberi pendedahan mengenai komoditi utama negara yang penting ini," katanya ketika ditemui, di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Rafidah berkata, masyarakat Eropah perlu sentiasa diberi pendedahan bahawa Malaysia mempunyai peraturan dan dasar lengkap serta tersusun bagi memastikan alam sekitar sentiasa dilindungi,

walaupun pokok ditebang untuk menanam sawit.

Pengeluaran minyak sawit yang bersaing hebat dengan minyak makan dari Barat seperti minyak soya, canola, zaitun dan biji sawi, sentiasa menerima kritikan serta tekanan daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dari Barat dan Eropah yang menyifatkan pengeluarannya memberi impak negatif kepada alam sekitar.

Malaysia, sebagai penge- luar utama minyak sawit dunia, mengeksport 10.7 juta tan minyak sawit tahun lalu.

Rafidah berpendapat, tentangan berkenaan sebagai cabaran yang perlu dihadapi dan ditangani, justeru, pendedahan berterusan mengenai kelebihan minyak sawit dan kaedah serta proses pengeluarannya perlu sentiasa didedahkan kepada pengguna di Barat.

Pada dialog yang padat dengan agenda pembentangan kertas kerja dan perbincangan itu, Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Peter Chin, akan menyampaikan ucap-tama yang dijangka turut menyentuh mengenai minyak sawit dan isu persekitaran.

Rafidah pula akan berucap pada pembukaan rasmi dialog berkenaan dan menengahkan isu perdagangan iaitu mengenai Malaysia sebagai pintu masuk ke Asean, manakala Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Mida), Datuk Jalilah Baba, akan membentangkan kertas kerja bertajuk *Ke arah Ekonomi Masa Depan*.

Penasihat Lembaga Eksekutif, Majlis Meja Bulat Minyak Sawit Mapan (RSPO), MR Chandran, akan membentangkan kertas kerja bertajuk *RSPO: Standard Global Minyak Sawit Mapan*, manakala Pengerusi Sime Darby Bhd, Tun Musa Hitam menengahkan isu *Kestabilan Alam Sekitar: Mengambil Contoh daripada Industri Perladangan Malaysia*.

MEF yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, November tahun lalu, adalah satu inisiatif tidak bermotifkan keuntungan yang menjadi medan dialog antara ahli perniagaan serta profesional Malaysia dan Kesatuan Eropah ke arah memantapkan hubungan perniagaan antara keduanya.